


Atas nama hak asasi manusia,
golongan LGBT wajar diterima
di negara ini?



Beberapa persatuan dan
kelab gay dipercayai
menular seluruh negara

1. Persatuan Gay Malaysia Kebangsaan
2. Terengganu Gay Club
3. Persatuan Blogger-Blogger Gay Malaysia
4. Persatuan Gay Berkumpulan
5. Persatuan Belia Gay Malaysia
6. Persatuan Gay Malaysia
7. Persatuan Gay Melayu
8. Persatuan Gay Perak
9. Persatuan Gay Sejati
10. Persatuan The Gay
11. Persatuan Gay Berwibawa ILPKL
12. Persatuan Gay Club (PGC)
13. Persatuan Gay Serantau
14. Persatuan Lesbian dan Gay Se-Malaysia
15. Persatuan Gay Se-Malaysia (PGS)

'LGBT kesalalahan jenayah'

Sinar 7/5/12 MS 13.

KUALA LUMPUR - Pensyarah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Profesor Madya Dr Shamrahayu A Aziz menegaskan budaya LGBT adalah kesalahan jenayah mengikut undang-undang Islam.

Beliau berkata, undang-undang Syariah berhubung LGBT boleh dilihat di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559).

Katanya, dalam undang-undang Syariah, sesuatu bertentangan dengan moral dianggap maksiat dan diklasifikasikan sebagai jenayah.

"LGBT adalah jenayah kerana bertentangan dengan moral. Kerana itu, di dalam Islam ada tiga elemen yang perlu dititikberatkan, iaitu, tauhid (ketuhanan); akhlak baik; dan muamalat (cara berhubung sesama manusia).

"Oleh itu, LGBT jelas bertentangan dengan amalan masyarakat Malaysia amnya dan Islam khususnya," katanya sekali gus bersetuju bahawa dalam kitab-kitab ALLAH SWT sebelum kedatangan al-Quran turut tidak membenarkan amalan songsang ini.

"Selain itu, saya percaya agama-agama lain turut menentang amalan songsang ini," katanya.

Shamrahayu berkata, semua pihak, terutama kerajaan perlu me-



“ Mereka seolah-olah mahu suara mereka sahaja didengar dan menolak suara lain. Padahal dalam erti kata hak asasi, setiap suara perlu didengar dan dibahaskan.”

Shamrahayu

mastikan undang-undang dilaksanakan dengan sempurna dan orang Islam terjebak dalam kancang LGBT perlu kembali kepada agama.

Sementara itu, menyentuh mengenai ungkapan popular 'bukan kehendak sendiri, tetapi ini takdir Tuhan' yang sering digunakan golongan LGBT, Shamrahayu menyuarakan kekesalan beliau.

"Kalau itulah dakwaan mereka,

alangkah dangkalnya fikiran kerana ia boleh ditafsirkan seolah-olah mereka ingin mengatakan ALLAH SWT itu lemah kerana meletakkan hamba-Nya dalam keadaan songsang begitu," katanya.

Menurutnya, dakwaan seperti itu sekadar menyembunyikan kelemahan diri sendiri.

"Apa yang jelas, mereka ini sebenarnya gagal memimpin nafsu. Bukannya takdir yang menjadikan begitu.

"Mereka yang salah memilih kerana lebih membenarkan hasutan nafsu daripada menggunakan akal. ALLAH SWT tidak pernah silap," katanya.

Menyentuh mengenai isu hak asasi LGBT, Shamrahayu berkata, undang-undang hak asasi diperjuangkan manusia tidak dapat melawan undang-undang dan ketentuan ALLAH SWT.

"Sebenarnya, apabila mereka membawa isu ini dan menggunakan alasan hak asasi sebagai laungan perjuangan, ia tidak lebih sekadar memperjuangkan kemahuan sendiri semata-mata.

"Mereka seolah-olah mahu suara mereka sahaja didengar dan menolak suara lain. Padahal dalam erti kata hak asasi, setiap suara perlu didengar, dibahaskan dengan sopan dan diputuskan ikut majoriti suara, lebih-

INFO

Kesalahan berkaitan kesusilaan di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) dinyatakan antara Seksyen 20 sehingga Seksyen 29 melibatkan kesalahan-kesalahan seperti, sumbang mahram; persundalan dan pelacuran; zina; persiapan melakukan zina atau persetubuhan luar pernikahan; liwat; lesbian (musahaqah); lelaki menyerupai wanita; dan kelakuan tidak sopan di tempat awam.

lebih lagi apabila ia menjurus ke arah kebaikan ramai.

"Bukan seperti memaksa kita (masyarakat) menerima suara mereka sahaja," tegasnya.

Shamrahayu memberitahu, dalam Islam, hak asasi yang diperjuangkan tidak boleh keluar daripada lima Rukun Islam dan enam Rukun Iman.

Kepada orang bukan Islam pula, beliau berkata, tidak perlu bimbang kerana undang-undang Islam terakut kepada orang Islam sahaja.

"Bila kita bercakap mengenai orang Islam, perlu diingat hak asasi dan kebebasan bukan hak mutlak seorang manusia, kita masih bergantung kepada ALLAH SWT. Kita ada garis panduan yang ALLAH SWT tetapkan dan ia wajib diikuti," tegasnya.

Banyak kes cerai babit LGBT

SHAH ALAM – Amalan seks songsang yang dahulunya isu terencil, kini semakin menampakkan taring akibat sikap tidak ambil kisah sebilangan masyarakat, kata Presiden Jaringan Melayu Malaysia (JMM), Azwanddin Hamzah.

Terdapat perceraian berlaku dipercayai berpunca daripada LGBT.

“Ia menjadi wabak dalam masyarakat. Apa membimbangkan, di Kuala Lumpur dan Selangor sahaja, 18 kes direkodkan pada tahun lalu akibat masalah ini.

“Punca perceraian semuanya melibatkan aktiviti songsang biseksual. Si suami menceraikan isterinya kerana ada hubungan dengan lelaki lain,” katanya.

Azwanddin berkata, masalah LGBT boleh meruntuhkan institusi kekeluargaan dan memusnahkan

sistem masyarakat seluruhnya.

“Saya percaya untuk membina negara maju, kita memerlukan masyarakat sihat yang hidup dan tinggal dalam situasi bermoral,” tegasnya.

Menurut Azwanddin, wabak ini semakin parah apabila mula me-

libatkan sekolah di kawasan bandar dan pinggir bandar.

Katanya, JMM bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain termasuk Persatuan Ibu Bapa (PIBG) sekolah untuk program pemulihan.

Bercakap mengenai kaedah dan rawatan digunakan dalam sesi pemulihan itu, Azwanddin berkata, selain sesi kaunseling, pelajar yang mengalami masalah diberi ubat hormon.

“Kepada golongan LGBT, ada ubat hormon diberikan bagi membantu mengurangkan dominan hormon yang berlawanan dengan hormon jantina sepatutnya. Rawatan ini dilakukan dengan pemantauan yang betul dan dibenarkan,” katanya.

Sementara itu, Azwanddin me-

- Tahun 2011, di kawasan KL dan Selangor merekodkan 18 kes perceraian melibatkan biseksual daripada pihak suami.

- Tahun 2011, 21 kes lesbian dan gay di seluruh sekolah menengah di Semenanjung Malaysia direkodkan. Tiga daripadanya melibatkan hubungan songsang guru dengan pelajar.

- Setakat tahun 2012, lapan kes hubungan songsang pelajar sekolah menengah di Semenanjung dilaporkan.


- Pelajar terlibat adalah mereka yang bersekolah dari kawasan bandar dan pinggir bandar.

- Pelajar lesbian dan gay diberi kaunseling dan pemulihan dengan diberikan ubat hormon mengikut pemerhatian dan pantauan yang betul.

rebak dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

“Sementara, untuk tahun ini, lapan kes direkodkan,” katanya sambil memberitahu, daripada 21 kes pada 2011, separuh pelajar terlibat melalui sesi kaunseling.

Azwanddin berkata, kes itu me-



Perbuatan sebegini tidak mustahil boleh menjadi amalan biasa di tempat awam, sekiranya gerakan amalan songsang ini tidak diperangi dari sekarang.

negaskan ada NGO tempatan menerima dana daripada pertubuhan Lesbian, Gay, Biseksual, Trans dan Interseks Antarabangsa (Ilga) bagi mempromosikan gaya hidup LGBT, seks bebas serta perkahwinan sejenis di Malaysia.

“Kami tidak menentang individu yang ALLAH SWT bagi secara lahiriahnya lembut, tetapi menentang

mereka yang merancang menjadikan kebebasan seks sebagai budaya seperti Ilga kerana ia jelas bertentangan cara hidup masyarakat di negara ini.

“Kita tidak mendiskriminasikan sesiapa, tetapi mereka sepatutnya wujudkan NGO untuk menarik rakan-rakan yang ada masalah ini kembali ke jalan benar, bukan terus mempromosi ke arah maksiat,” tegasnya.